

01/01/2004

Malik buktikan Selat Inggeris boleh ditawan

KEJAYAAN perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Mydin merentasi Selat Inggeris adalah berkat kerjasama dan dorongan yang dihulurkan kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS), selain penaja utama Yayasan Al-Bukhary.

Tidak dinafikan bekas pelumba basikal kebangsaan itu mengambil langkah berani memikul cabaran besar berenang merentasi selat yang terkenal dengan cabaran sukar - suhu air sejuk, arus kuat serta tiupan angin kencang dan cuaca tidak menentu.

Biarpun tidak diyakini pada awalnya, berkat kesungguhan Abdul Malik menjalani latihan serta kata-kata pembakar semangat 'Malaysia Boleh' yang disemarakkan KBS dalam setiap programnya menyuntik tenaga luar biasa buat perenang maraton dari sebuah negara yang tidak mempunyai tradisi dalam sukan itu.

Tanggal 3 Ogos adalah tarikh keramat yang membuktikan rakyat Malaysia terutama generasi mudanya sanggup menempuh apa jua bentuk cabaran dan mampu berjaya jika disertai kesungguhan, perancangan rapi dan disiplin tinggi.

Sebaik mencipta sejarah itu, Abdul Malik mengakui kata-kata semangat Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad serta sikap prihatin secara peribadi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein mendorongnya menamatkan renangan biarpun berdepan gelombang yang semakin ganas ketika menghampiri Cap Gris Nez di Perancis.

"Dalam keadaan semakin letih dan terkapai-kapai dalam air Selat Inggeris itu, saya teringat janji saya kepada Datuk Hishammuddin bahawa saya akan menghabiskan renangan dan sanggup mati di dalam air daripada diangkat ke dalam bot pengiring dan gagal," kata Abdul Malik sehari selepas mencipta sejarah menjadi rakyat Asia Tenggara dan Malaysia yang pertama menakluk Selat Inggeris, Ogos lalu.

Hishammuddin berpendapat, biarpun tugas berenang di Selat Inggeris adalah perkara biasa buat perenang Eropah, ia menjadi begitu simbolik dan membawa makna besar buat rakyat negara ini terutama untuk membuktikan rakyat yang pernah dijajah suatu masa dulu kini merdeka dan sudah setanding dengan bangsa mereka.

Menerusi arahan khas Hishammuddin, misi Abdul Malik merentasi Selat Inggeris menjadi lebih mudah apabila campur tangan terus KBS dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom menghulurkan pelbagai bantuan untuk memudahkan perenang maraton itu memberi tumpuan khusus terhadap misinya.

Sikap mengambil berat dengan sentiasa berhubung dengan menerusi telefon untuk menaikkan semangat perenang negara itu akhirnya membantu Abdul Malik mencipta sejarah tersendiri apabila tepat jam 2.45 pagi, 3 Ogos, dia menjejakan kaki di Pantai Wissant di Calais, Perancis untuk menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama menakluk Selat Inggeris.